

09 MAY 2002

Syed Hamid-EU (Bergambar)

MALAYSIA GESA EU PELOPORI SEKATAN TERHADAP ISRAEL

PUTRAJAYA, 9 Mei (Bernama) -- Kesatuan Eropah (EU) boleh mempelopori usaha masyarakat antarabangsa untuk mengenakan sekatan perdagangan terhadap Israel sebagai satu cara mendesak rejim Yahudi itu melaksanakan pelbagai ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai Palestin, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Albar hari ini.

Beliau berkata ini dilakukan dengan harapan ia akan membuka jalan kepada badan dunia itu sendiri mengambil tindakan serupa terhadap Israel.

"Bagi kami, EU penting kerana tindakan mereka akan mempunyai kesan kepada pihak-pihak lain," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan berjumlah RM15,839.12 bagi pihak Tabung Kemanusiaan Palestin.

Sumbangan itu diampaiakan kepada beliau oleh wakil-wakil Dewan Perniagaan Melayu Selangor, Gerakan Belia 4B Malaysia, Umno Bahagian Kota Tinggi, Majlis Belia Malaysia dan Sekolah Menengah Seri Aman Petaling Jaya.

Syed Hamid berkata demikian ketika merujuk kepada ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan Palestin Dan Kemanusiaan malam tadi bahawa beliau telah menulis surat kepada ketua kerajaan negara-negara Eropah mengenai isu Palestin.

Sebelum ini, negara-negara Kesatuan Eropah dilaporkan sedang menimbang untuk mengadakan sekatan perdagangan terhadap Israel jika negara itu tidak mematuhi ketetapan yang diluluskan oleh PBB mengenai isu Palestin.

Syed Hamid berkata adalah menjadi kebiasaan bagi PBB mengenakan sekatan perdagangan sekiranya usul-usul yang diluluskan tidak dipatuhi.

"Tindakan yang satu lagi ialah tindakan ketenteraan supaya mereka mematuhi ketetapan yang telah diluluskan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata dalam isu Palestin, Israel didapati cuba mempertahankan kedudukannya sehingga PBB terpaksa akur dengan keputusan untuk membubarkan pasukan khas untuk menyiasat keadaan di kem pelarian Jenin selepas operasi ketenteraan rejim Yahudi itu.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir telah menulis surat kepada ketua-ketua kerajaan Kesatuan Eropah bagi mencari penyelesaian terhadap isu Palestin dan berharap mereka akhirnya akan mengadakan sekatan perdagangan terhadap Israel.

"Surat telah dihantar beberapa hari lepas meminta supaya EU mengambil tindakan tegas dalam bentuk sekatan terhadap Israel," katanya.

-- BERNAMA

AT FA MAM AHH NMO